

BISHOP DIOSIS
The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

BISHOP SUFFRAGAN
- **Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah**
  The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais
- **Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah**
  The Rt. Revd. Kenneth Thien
- **Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah**
  The Rt. Revd. John Yeo

REKTOR
The Rt. Revd. John Yeo

PEMBANTU REKTOR
Revd. Ho Kee Chung

PADERI/PASTOR
Revd. Robert Chin (Sukarela)
Revd. Dr. Moses O. Afful Jr. (Sukarela)
Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)

ZON BI: REV NELSON TAI ZUN BIN
- **Dewasa:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun
- **Belia:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun
- **Muda-Mudi:** Revd. Nelson Tai Zun Bin
- **Kanak-Kanak:** Doris Chin

ZON BC: REV. HO KEE CHUNG
- **Dewasa:** Revd. Ho Kee Chung
- **Belia:** Alan Chung
- **Muda-Mudi:** Yvonne Lee
- **Kanak-Kanak:** Chan Mei Yong
- **Warga Emas**: Kok Feh Ken

ZON BM:
- **SPC:** Revd. Anzen Daud
- **PJA:** Revd. Majelus Majar
- **Dewasa:** Revd. Anzen Daud
- **Belia:** Danny Daniel
- **Muda-Mudi:** Jackson Samuel
- **Kanak-Kanak:** Meros Majar

PELAYANAN SOKONGAN
- **Penjagaan & Kasih:**
  Alex Wong Chun Sang
- **Kaunseling:** Ps. Lim Bun Hui
- **Sistem Bunyi:** Jackson Samuel
- **Doa:** Chu Sui Fun
- **Pasukan Pujian:** Esther Hoo
- **Pusat Sumber:** Jeanie Hiew

STAF PENTADBIRAN
- **PA Rektor:** Annie Chiew
- **Pentadbiran:** Margaret Khong
- **Penyelenggaraan:**
  Rommel Lumantas
- **Pengangkutan:**
  Rommel Lumantas
- **Kebersihan:** Margaret Khong

GEREJA MISI
- **Tarakan, Korpri, Malinau & Tanjung Selor**
  Revd. Jakobus Chong
  Ps. Lim Tze Ling
  Ps. Daniel Musa Litu
- **Nunukan**
  Revd. Roy Nol Simon
- **Sebakis**
  Revd. Martin Ataring
- **Seimenggaris**
  Revd. Ferdenan Antonis
  Ps. Christinah Simon
- **Sekalayan**
  Revd. Alexander Nenotek



Mesej Rektor...

BERAKAR DAN BERTUMBUH DALAM FIRMAN ALLAH

"Kamu telah menerima Kristus Yesus, Tuhan kita. Karena itu hendaklah hidupmu tetap di dalam Dia. Hendaklah kamu ***berakar di dalam Dia dan dibangun di atas Dia, bertambah teguh dalam iman yang telah diajarkan kepadamu****, dan hendaklah hatimu melimpah dengan syukur." (Kolose 2:6-7)*

Kebanyakan kita yang tinggal di Pantai Timur pasti sudah biasa dengan aktiviti pertanian kerana kawasan sekeliling kita dipenuhi dengan ladang-ladang kelapa sawit. Kita mengetahui bahawa pertumbuhan sesebuah pokok, sama ada dari segi ketinggian mahupun kelebarannya, bergantung pada sejauh mana akarnya bertumbuh. Demikian juga dalam kehidupan Kristian kita, pemuridan sejati bukanlah diukur berdasarkan banyaknya aktiviti yang dilakukan, tetapi berdasarkan kedalaman kehidupan rohani seseorang. Asas kepada seorang murid Kristus yang teguh dan tidak mudah goyah ialah kehidupan yang berakar dengan mendalam dalam Firman Tuhan.

Kita telah mempelajari melalui khutbah minggu lalu tentang betapa pentingnya Firman Tuhan dalam kehidupan seorang murid Kristus. Tidak mungkin seseorang Kristian dapat bertumbuh menjadi kuat tanpa mendapat makanan rohani daripada Firman Tuhan yang hidup. Alkitab menggunakan pelbagai gambaran dan kiasan/metafora yang bermakna untuk menerangkan peranan Firman Tuhan, seperti susu dan makanan pejal yang membekalkan nutrisi bagi pertumbuhan rohani, pelita dan terang yang menerangi jalan kehidupan, senjata (Pedang Roh) untuk menghadapi peperangan rohani...

Muka surat seterusnya...

Alamat: P.O. Box 279, 91007 Tawau, Sabah.
Tel: 089-772212 (Pejabat Gereja)
Email: spctawau@gmail.com | Laman Web: https://www.hoprayer.org.my

Anglikan
Diosis Sabah

dari muka surat sebelah...

...serta perisai yang melindungi kita daripada godaan dan penyesatan. Dalam 2 Timotius 3:16–17, kita diberikan penjelasan yang begitu jelas - *"Segala tulisan yang diilhamkan Allah memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran. Dengan demikian tiap-tiap manusia kepunyaan Allah diperlengkapi untuk setiap perbuatan baik."*

Oleh itu, marilah kita mengambil langkah yang bersungguh-sungguh dan berpegang teguh pada komitmen untuk membaca Firman Tuhan. Utamakan kehadiran dalam kebaktian pada setiap hari Ahad supaya kita dapat mendengar Firman Tuhan yang disampaikan. Libatkan diri dalam kelompok sel untuk mendalami Firman Tuhan bersama -sama serta menerapkan kebenarannya dalam kehidupan. Marilah kita terus saling mendorong, menguatkan dan mengingatkan antara satu sama lain supaya setiap daripada kita semakin bertumbuh secara rohani.

Satu lagi cara yang sangat baik untuk bertumbuh dalam iman dan memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang Firman Tuhan adalah dengan menyertai seminar Alkitab yang akan bermula pada petang Ahad ini. Seminar yang bertajuk "Antioch to Athens" ini merupakan satu pengkajian mendalam tentang perjalanan misi Paulus yang kedua. Seminar ini akan disampaikan oleh Revd. Dr. Lim Kar Yong, seorang sarjana Perjanjian Baru, penulis dan pensyarah di pelbagai seminari Alkitab, termasuk Institut Pelatihan Anglikan (ATI). Oleh itu, kami mendorong semua untuk mengambil peluang ini dan tidak melepaskan kesempatan yang sangat berharga untuk menyertai seminar ini.

Berita



PENGUMUMAN PERKAHWINAN

Edwin Simon
&
Wong Shuk Fei

KEBAKTIAN PERNIKAHAN KUDUS

14 November 2026 (Sabtu) | 10:00 pagi
Gereja St. Patrick

Sekiranya jemaat mengetahui sebab mereka tidak dapat disatukan dalam nikah kudus sila maklumkan kepada pihak gereja.

Sebagai makluman ini merupakan pengumuman yang **terakhir.**

TAHNIAH

En. Yulius Peter
&
Pn. Yohana Patabang

kerana telah dikaruniakan seorang anak lelaki,

Zayvion Immanuel pada
04 November 2026

Gereja

PEMBAPTISAN

KEBAKTIAN PEMBAPTISAN
22 November 2026 (Ahad)
8:00 pagi | PJA

KELAS PEMBAPTISAN
11 November 2026 (Rabu)
7:30 malam | Zoom

PERJAMUAN KUDUS DIRUMAH



18 November 2026 (Rabu)
8:00 pagi
Gereja St. Patrick

MAKLUMAN PERJALANAN PASUKAN MISI 2026

Tarikh	Tempat
07-09 November	- Lahad Datu
19-23 November	- Brunei
29 November - 10 Disember	- Taiwan

Sila doakan setiap pasukan misi di dalam mereka mempersiapkan diri untuk ke ladang misi.

NOTIS

Pejabat Gereja, Pusat Sumber dan Kafeteria ditutup pada 09 November 2026 (Isnin)

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-25 & MALAM ANUGERAH SPAA

Marilah kita bersama-sama bersyukur kepada Tuhan atas kesetiaan-Nya sepanjang 25 tahun ini, meraikan pencapaian para pelajar, serta mengeratkan lagi ikatan kekeluargaan dalam komuniti sekolah kita.

Ibubapa dan penjaga dijemput hadir untuk bersama-sama memeriahkan sambutan istimewa ini!

13 November 2026 (Jumaat)
7:30 malam | Gereja St. Patrick

Kehadiran anda pasti akan menjadikan sambutan bersejarah ini lebih bermakna.

E-BULETIN

Muat turun E-Buletin melalui laman web
https://www.hoprayer.org.my

PERSEMBAHAN DAN PERSEPULUHAN

Pemindahan Dalam Talian:
Public Bank: 3091827035

Cek atas nama:
St. Patrick's Church, Tawau

DuitNow QR
PJA

Persepuluhan | Persembahan

Sila kirimkan salinan slip bank-in atau bukti pemindahan ke nombor : 011-5995 4101

SIRI KHUTBAH : GEREJA YANG DIBANGUNKAN UNTUK MEMURIDKAN

PERSEKUTUAN YANG SEJATI

KISAH PARA RASUL 2:42-47; YOHANES 17:20-23

1. PERSEKUTUAN YANG MENYEMBAH

Kisah Para Rasul 2:42-43 & 47a *42"**Mereka bertekun dalam pengajaran rasul-rasul dan dalam persekutuan.** Dan mereka **selalu berkumpul** untuk memecahkan roti dan berdoa. 43Maka ketakutanlah mereka semua, sedang rasul-rasul itu mengadakan banyak mujizat dan tanda. 47a...**sambil memuji Allah**."*

2. PERSEKUTUAN YANG SALING MENGASIHI

Kisah Para Rasul 2:44-45 *44"Dan semua orang yang telah menjadi percaya **tetap bersatu, dan segala kepunyaan mereka adalah kepunyaan bersama,** 45dan selalu ada dari mereka yang **menjual harta miliknya, lalu membagi-bagikannya** kepada semua orang **sesuai dengan keperluan masing-masing**."*

3. PERSEKUTUAN YANG BERDOA

Kisah Para Rasul 2:46 *"Dengan **bertekun dan dengan sehati mereka berkumpul tiap-tiap hari dalam Bait Allah**. Mereka memecahkan roti di rumah masing-masing secara bergilir dan makan bersama-sama dengan **gembira dan dengan tulus hati**."*

Penerapan Firman Tuhan :

1. Apakah perkara yang sering menghalang kita daripada melibatkan diri secara aktif dalam persekutuan penyembahan, dan apakah langkah yang boleh kita ambil untuk membina kerinduan beribadah bersama-sama?
2. Dalam kehidupan kita sebagai satu keluarga Tuhan, apakah tindakan nyata yang boleh kita lakukan untuk membantu saudara seiman yang sedang menghadapi kesusahan, sama ada dari segi kewangan, emosi mahupun kerohanian?
3. Mengapakah doa bersama penting dalam membina kesatuan gereja, dan bagaimana kita boleh menjadikan doa bersama sebagai sebahagian daripada gaya hidup kita, bukan sekadar aktiviti gereja?